

Literasi Alam Sekitar Menurut Paradigma Agama

Rozita Ibrahim
Pusat Pengajian Umum

ABSTRACT

Environmental literacy refers to the specific literacy that promotes responsible environmental behavior. Theoretically speaking, environmental literacy operates in a continuum, beginning with awareness and concern of an issue, understanding of the issue and finally taking appropriate action. Since the term was introduced, the distinguishing character has been its 'action' perspective, which refers to the highest level of the continuum i.e. operational environmental literacy. This is crucial since the true indicator of environmental commitment is the action taken by individuals, community and society. This paper will discuss the concept of environmental literacy and its relevance in contemporary society. The author argues that a promising way in promoting environmental literacy is through the understanding of values and ethics with regard to the relationship of man and his environment within Islamic paradigm.

PENGENALAN

Pepatah Cina ada mengatakan bahawa sekiranya kita memberi seseorang seekor ikan, orang itu akan kenyang untuk sehari. Tetapi jika kita ajarkan orang itu bagaimana memancing ikan, beliau akan dapat makan untuk setiap hari. Pepatah ini boleh dikaitkan dengan kepentingan pengetahuan dan kemahiran. Namun demikian pengetahuan dan kemahiran sahaja tidak cukup sekiranya tidak diiringi dengan tindakan atau perlakuan. Sekiranya seorang itu mahir memancing tetapi beliau tidak pergi memancing, seekor ikan pun pasti tidak akan datang kepadanya. Ini kerana pada akhirnya tindakan yang akan menentukan hasil atau keputusan.

Demikian jugalah halnya apabila kita membicarakan tentang permasalahan alam sekitar. Pengetahuan dan kemahiran mengenai sesuatu isu alam sekitar dikatakan dapat membantu menangani permasalahan alam sekitar. Namun pengetahuan dan kemahiran sahaja tidak mencukupi kerana ianya harus seiring dengan keputusan dan tindakan yang dibuat, bermula pada peringkat individu. Persoalannya, apakah bentuk pengetahuan yang diperlukan untuk

membina sikap yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar? Apakah pula yang menjadi pendorong kepada sesuatu tindakan yang bertanggungjawab itu? Kertas ini akan membincangkan konsep literasi alam sekitar dan peranannya dalam membentuk tindakan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Penulis berpendapat bahawa literasi alam sekitar dapat diperkukuhkan melalui penghayatan nilai keagamaan. Penulis akan membincangkan persoalan ini menurut paradigma Islam.

PERMASALAHAN ALAM SEKITAR MASA KINI

Permasalahan alam sekitar masa kini amatlah banyak dan pelbagai sifatnya. Antara yang sering diperkatakan termasuklah timbunan sampah sarap yang tidak terurus, pencemaran udara oleh kenderaan bermotor, jerebu akibat pembakaran terbuka, banjir kilat di kawasan bandar, kesesakan di kawasan setinggan dan perebakan penyakit berjangkit akibat kurang menjaga kebersihan. Penyebab kepada pelbagai masalah ini seringkali berpunca dari aktiviti antropogenik atau buatan manusia. Kenyataan ini telah pun disebut di dalam al-Quran:

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah s.w.t. hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

(al-Quran, 30:41)

Tindakan manusia terhadap alam sekitar boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu 'mengambil', 'menambah' dan 'mengubah' keadaan asal alam dan sumber-sumbernya (Trudgill 1990). Tindakan 'mengambil' merujuk kepada aktiviti seperti perikanan, perlombongan, pembalakan dan pembukaan tanah. Tindakan 'menambah' pula merujuk kepada keadaan pencemaran udara, eutrofikasi, hujan asid serta penjanaan bahan sisa. Akhirnya tindakan 'mengubah' pula meliputi aktiviti perbandaran, penambakan laut, pembukaan ladang monokultur dan juga pengubahan habitat asal.

Tindakan manusia dalam mengambil, menambah dan mengubah keadaan asal alam dan sumber-sumbernya ini melibatkan jaringan aktiviti yang kompleks dan mendatangkan kesan yang juga kompleks. Kompleksiti sememangnya merupakan satu ciri permasalahan alam sekitar. Selain itu, satu ciri lain yang juga penting adalah kesan kumulatif yang timbul daripada sesuatu masalah alam sekitar itu. Untuk menggambarkan ciri kompleksiti dan kumulatif

ini, kita ambil masalah sampah-sarap dan pengurusan sisa pepejal di Malaysia sebagai contoh.

Masalah sampah sarap merupakan masalah yang telah wujud sejak sekian lama tetapi masih belum mencapai penyelesaian yang memberangsangkan – seperti kata tajuk sebuah artikel dalam majalah Massa Februari 2003 – ‘Negara Maju Tetapi Pengurusan Sampah Masih Darjah Satu’. Perkara ini semakin hangat diperkatakan baru-baru ini berikutan cadangan pembinaan insinerator di Broga, Semenyih. Cadangan ini timbul kesan daripada kadar penghasilan sampah-sarap yang kian hari kian bertambah hingga menyebabkan tapak pelupusan yang sedia ada tidak mampu menampungnya. Statistik menunjukkan bahawa kadar penghasilan sampah di Kuala Lumpur adalah sebanyak 1.57 kg/kapita/hari. Jumlah ini kelihatan kecil, namun jika dilihat kepada jumlah keseluruhan penjanaaan sampah bagi seluruh warga Kuala Lumpur pada tahun 2002 adalah mencapai 2700 hingga 3000 ton/hari (Mohd. Nasir Hassan 2002). Kesan kumulatifnya amat ketara sekali di sini. Kaedah penyelesaian kepada masalah sampah sarap dan sisa pepejal ini bukanlah mudah. Banyak faktor yang terlibat – misalnya kecanggihan teknologi, keadaan ekonomi, tekanan politik, polisi kerajaan, komitmen industri, sikap masyarakat dan sebagainya. Semuanya ini melibatkan pertalian yang amat kompleks. Namun jalan penyelesaian untuk menangani permasalahan ini pastinya ada. Apa yang penting adalah kesediaan semua pihak terlibat untuk memainkan peranan masing-masing dan kesediaan individu berkenaan untuk mengubah sikap ke arah yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Perubahan sikap bukanlah sesuatu yang mudah, namun ianya boleh dilakukan – di sinilah relevannya pendekatan literasi alam sekitar dalam menangani perkara ini.

LITERASI ALAM SEKITAR: APA, MENGAPA DAN BAGAIMANA?

Pembinaan sikap yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar merupakan matlamat utama literasi alam sekitar. Literasi alam sekitar merujuk kepada pengetahuan dan kefahaman mengenai isu berkaitan kesejahteraan alam sekitar dan pengaruhnya kepada kehidupan manusia. Kita dikatakan seorang yang *environmental literate* atau ‘celik alam sekitar’ sekiranya kita mempunyai pengetahuan, tahu tentang strategi tindakan yang boleh diambil, mempunyai motivasi dalaman, sikap yang positif serta bertanggungjawab dalam menangani sesuatu isu persekitaran (Wolfe 2002). Secara teorinya, literasi alam sekitar wujud dalam satu kontinuum yang bermula dengan peringkat kesedaran (peringkat nominal), kefahaman (peringkat fungsi) dan akhirnya kelakuan (peringkat operasi) (Moseley 2000). Sebagai misalan, kita lihat isu pencemaran udara oleh asap kenderaan. Pada peringkat nominal, kita sedar bahawa asap

kenderaan boleh menyebabkan pencemaran udara. Pada peringkat fungsi pula kita memahami jenis-jenis gas pencemar yang dihasilkan oleh asap kenderaan serta kesannya terhadap kesihatan manusia. Pada peringkat tertinggi iaitu peringkat operasi, kita hendaklah berupaya untuk mempraktikkan tingkahlaku yang dapat membantu mengurangkan masalah ini misalnya dengan berkongsi kereta, menggunakan kenderaan awam atau berjalan kaki.

Seperti yang dinyatakan di atas, peringkat tertinggi dalam kontinuum literasi alam sekitar melibatkan perlakuan atau tindakan. Tilbury (1995) menyatakan enam kategori tindakan yang boleh dilakukan, iaitu (1) Perundingan – perbincangan untuk mencapai kata sepakat mengenai sesuatu isu, polisi atau amalan berkait alam sekitar (2) Pemujukan – cubaan untuk mengubah pandangan orang lain melalui perbincangan, ucapan, surat, kempen dalam media atau sebaran bahan berkaitan alam sekitar (3) Konsumerisme – mengambil tindakan memulaukan barangan atau perkhidmatan yang tidak mesra alam atau mengenakan tekanan ekonomi bagi mengubah polisi yang tidak selaras dengan kehendak alam sekitar (4) Tindakan politik – melobi, mengundi atau menyokong calon, penggubal undang-undang atau kerajaan untuk menjalankan sesuatu polisi alam sekitar (5) Tindakan undang-undang – membantu dalam penguatkuasaan undang-undang dan memudahkan kerja-kerja pihak berkenaan (6) Eko-pengurusan – memelihara dan memperbaiki landskap secara fizikal.

Bagaimanakah literasi alam sekitar dapat dibina? Pembinaan literasi alam sekitar dapat dilakukan melalui pendidikan alam sekitar samada secara formal atau tidak formal. Yang dimaksudkan dengan pendidikan formal adalah melalui matapelajaran yang diajar di sekolah, institut pengajian tinggi serta mana-mana institusi pendidikan yang lain. Yang dimaksudkan pendidikan tidak formal itu termasuklah penyebaran maklumat dan pengetahuan melalui media massa seperti akhbar, radio dan televisyen serta juga kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak kerajaan, pihak swasta serta juga badan bukan kerajaan (NGO). Apa yang lebih utama di sini bukanlah mekanisme formal atau tidak formal itu, tetapi kualiti dan kuantiti maklumat yang disampaikan serta juga pendekatan yang diambil dalam menyampaikan maklumat tersebut. Dengan kata lain, dua perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah kandungan pendidikan alam sekitar serta pendekatan pendidikan alam sekitar (Rozita Ibrahim 2001).


Sasaran pendidikan alam sekitar tidak harus terhad kepada mereka yang menjurus di dalam disiplin tertentu sahaja. Sebaliknya ia perlu menjangkau lebih ramai masyarakat umum kerana ianya melibatkan kesejahteraan alam yang dikongsi bersama (*common goods*). Pendidikan alam sekitar boleh dijadikan medium untuk memupuk nilai yang baik serta sikap toleransi di kalangan masyarakat. O' Riordan (1981) mencadangkan bahawa pendidikan alam sekitar adalah berpadanan dengan pendidikan kewarganegaraan kerana kedua-duanya

berhasrat untuk membina komitmen dan tanggungjawab sosial yang berasaskan kepada kefahaman mengenai saling hubungan antara sesama manusia serta antara manusia dan alam sekitar. Bagi menjadi seorang warganegara dan ahli masyarakat yang *environmental literate*, kita seharusnya faham dengan peranan kita sebagai anggota masyarakat serta juga berminat untuk mengetahui apa yang berlaku di sekeliling kita. Schneider (1997) mencadangkan tiga persoalan yang harus difikirkan oleh seorang anggota masyarakat dalam menangani persoalan alam sekitar. Persoalan tersebut adalah: (1) Apakah yang boleh berlaku? (2) Apakah kemungkinan lain yang jarang berlaku? (3) Bagaimanakah kita boleh mengetahui kesannya? Sebagai anggota masyarakat yang *environmental literate*, kita juga mestilah tahu untuk mencari maklumat mengenai sesuatu isu serta berminat untuk memberikan komitmen dan tindakan yang sewajarnya dalam menangani permasalahan berkenaan. Inilah akhirnya yang menjadi matlamat dari pendidikan alam sekitar.

DARI PENGETAHUAN KEPADA SIKAP DAN KELAKUAN

Sikap tidak bertanggungjawab dan tidak endah seringkali dikaitkan sebagai penyebab kepada pelbagai masalah alam sekitar yang berlaku pada masa kini. Lantaran itu tidak hairanlah kiranya banyak sekali wacana, perbincangan dan perdebatan mengenai isu alam sekitar yang mencadangkan agar masyarakat membentuk sikap lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Sikap yang didorong oleh pengetahuan mengenai sesuatu isu ini diharapkan akhirnya terserlah dalam bentuk kelakuan yang lebih mesra alam. Inilah juga yang digambarkan dalam objektif ketiga Polisi Kebangsaan Mengenai Alam Sekitar yang diluluskan oleh Kabinet pada Oktober 2002 iaitu menggalakkan gaya hidup dan corak penggunaan dan pengeluaran yang konsisten dengan prinsip-prinsip pembangunan lestari (Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar, Malaysia 2002).

Perkaitan di antara pengetahuan, sikap dan kelakuan seringkali dipersoalkan dalam menilai hasil pendidikan alam sekitar. Apakah benar pengetahuan alam sekitar akan membantu membina sikap dan seterusnya tindakan yang baik terhadap alam sekitar? Di dalam kertas ini, penulis mengambil anggapan bahawa terdapat perhubungan yang positif di antara ketiga-tiga aspek yang dinyatakan tadi. Kekuatan perhubungan ini adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor sebagaimana dicadangkan oleh Brehm & Kassin (1995). Salah satu faktor utama adalah nilai, kepercayaan atau pegangan agama seseorang. Stern *et. al* (1995) juga mempersetujui perhubungan ini di dalam Model Skematik Penyebab Kesedaran Alam Sekitar yang dicadangkannya. Berdasarkan premis ini, wajarlah kita menjadikan agama sebagai satu asas dalam memantapkan literasi alam sekitar di kalangan masyarakat.



PARADIGMA ISLAM

Perbincangan seterusnya meninjau isu-isu berkaitan pembinaan literasi alam sekitar dan bagaimana nilai-nilai keagamaan dapat diterapkan bagi memperkukuhkan perhubungan di antara pengetahuan, sikap dan kelakuan. Isu-isu ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (1) motivasi dalaman, (2) sifat permasalahan alam sekitar, dan (3) pendekatan dan kandungan pendidikan alam sekitar.

MOTIVASI DALAMAN

Motivasi dalaman adalah amat penting dalam mendorong seseorang mengambil sesuatu tindakan. Teori Motivasi menjelaskan bahawa salah satu faktor pendorong utama adalah penetapan matlamat yang jelas (Cole 1995). Kejelasan matlamat di sini boleh merujuk kepada ganjaran yang bakal didapati kiranya sesuatu tindakan itu dilakukan. Selain itu, kejelasan mengenai sebab mengapa matlamat itu perlu dicapai adalah juga penting di sini. Dalam konteks perbincangan ini kita merujuk kepada matlamat yang jelas yang dapat mendorong seseorang melakukan tindakan dan sikap yang baik terhadap alam sekitar dan ganjaran yang bakal didapatinya. Ajaran Islam jelas menggariskan mengenai perkara ini:


Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(al-Quran, 6:165)

Dunia ini hijau dan cantik dan Tuhan telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan.

(Muslim)

Ayat dan hadis di atas menyatakan tentang peranan manusia sebagaimana diamanahkan oleh Allah s.w.t. Manusia adalah khalifah atau pengurus di muka bumi ini, namun kita tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya kerana tanggungjawab ini merupakan satu ujian dan akan dipersoalkan di hari kemudian. Malahan terdapat banyak sekali kisah-kisah yang boleh dijadikan teladan dalam hubungan manusia dan makhluk-makhluk lain yang mendiami alam ini. Antaranya adalah kisah seorang lelaki di zaman Rasulullah s.a.w. yang diampunkan dosanya oleh Allah s.w.t. kerana tindakannya memberi minuman kepada seekor anjing yang sangat dahaga. Sebaliknya pula



jika seseorang berlaku kejam terhadap haiwan, maka balasannya adalah kemurkaan dari Allah s.w.t. sebagaimana kisah seorang wanita yang mengurung seekor kucing sehingga mati kelaparan (Fazlun M. Khalid 1997). Dalam hal ini, keampunan dan keredaan Allah s.w.t. amat penting sebagai matlamat yang patut dicapai dalam sebarang tindakan seorang Islam.

SIFAT PERMASALAHAN ALAM SEKITAR

Dua sifat utama yang akan dibincangkan adalah kompleksiti permasalahan dan kesan kumulatif dari masalah persekitaran. Kedua-dua sifat ini kadangkala menyebabkan kita merasakan bahawa sebagai individu kita tidak mampu untuk memberikan sebarang sumbangan. Misalnya sebagai individu kita mungkin merasakan bahawa tindakan kita menanam sebatang pokok tidak akan memberikan kesan yang besar kepada kehijauan bumi. Atau mungkin kita berfikir bahawa sebatang pokok yang ditanam itu tidak dapat menghasilkan cukup oksigen untuk menampung kehidupan lain. Atau mungkin kita berfikir untuk bersusah payah menanam pokok sedangkan orang lain sibuk menebang pokok dan membuka tanah baru. Akhirnya kita merasa kecewa dan putus harapan kerana usaha itu nampaknya sia-sia sahaja, lantas membuat keputusan untuk tidak berbuat apa-apa langsung. Inilah yang dinamakan 'psikologi kecewa' (Hicks & Holden 1995, Hudson 2001).

'Psikologi kecewa' ini perlu dielakkan. Ajaran Islam menganjurkan supaya kita jangan merasa mudah putus asa, sebaliknya perlu terus berusaha tanpa rasa jemu kerana amalan yang baik itu adalah amalan yang dilakukan secara berterusan walaupun ianya kecil. Inilah yang dirujuk sebagai konsep 'istiqamah', sebagaimana hadis di bawah:

Sesungguhnya sebaik-baik amalan itu adalah yang berterusan walaupun sedikit.

(Ibnu Majjah & Ahmad)

Selain itu konsep pahala juga amat relevan di sini kerana setiap perbuatan yang baik itu menjanjikan ganjaran yang baik juga. Contohnya hadis riwayat Bukhari dan Muslim ada menyatakan bahawa:

Sesiapa yang menanam pokok dan menjaganya dengan baik sehingga besar dan mengeluarkan hasil akan mendapat ganjaran di akhirat.

(Bukhari & Muslim)

Jika ada sesiapa yang menanam sebatang pokok dan bercucuk tanam dan manusia serta haiwan atau burung-burung mendapat makanan darinya, maka ia akan menjadi sedekah baginya.

(Bukhari & Muslim)

Hadis di atas juga menunjukkan betapa perbuatan menanam pokok dan bercucuk tanam itu amat digalakkan dalam Islam dan diberikan ganjaran sebagai *sedekah*, apatah lagi jika hasil tanaman tadi mendatangkan kebaikan berterusan kepada makhluk yang lain. Di dalam Islam, *sedekah* merupakan satu amalan yang baik, sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

Apabila mati seseorang insan, maka terputuslah amalan-amalannya kecuali tiga perkara – sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang berdoa untuknya.

(Muslim)

Satu lagi cara menangani sifat kompleksiti dan kumulatif permasalahan alam sekitar adalah dengan adanya kerjasama yang erat dan komitmen yang tinggi di kalangan semua pihak yang terlibat. Misalnya setiap individu di dalam komuniti bersama-sama menanam sebatang pokok setiap seorang, atau setiap ahli masyarakat berusaha untuk tidak membuang sampah merata-rata dan mengamalkan kitar semula dan guna semula. Tindakan yang dibuat bersama-sama ini pastinya mendatangkan hasil yang ketara. Apa yang penting adalah kemuafakatan dan semangat kerjasama di dalam melakukan perkara kebajikan serta juga mengelakkan kemusnahan atau kerosakan. Kepentingan sifat muafakat dan kerjasama jelas dinyatakan di dalam ayat di bawah:


Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

(al-Quran, 5:2)

Sikap kerjasama dan kemuafakatan ini juga boleh diperluaskan lagi dalam soal mengelakkan kemungkaran atau kerosakan. Di sinilah pentingnya kita untuk saling tegur-menegur antara satu sama lain sekiranya kita tahu tindakan yang dilakukan itu merupakan satu kesalahan. Misalnya kita tahu bahawa pembuangan sisa ke kawasan tadahan air boleh mengakibatkan pencemaran, maka perbuatan itu haruslah ditegah dengan apa cara sekalipun. Hadis Rasulullah s.a.w. menjelaskan:

Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia mencegahnya dengan tangan. Sekiranya ia tidak mampu, maka hendaklah ia mencegahnya dengan lidah. Sekiranya ia tidak mampu, maka hendaklah ia mencegahnya dengan hati, dan itu adalah selemah-lemah iman.

(Muslim)



PENDEKATAN DAN KANDUNGAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

Pendidikan alam sekitar yang berkesan perlu mengintegrasikan tiga pendekatan iaitu pendidikan ‘mengenai’ alam sekitar, pendidikan ‘di dalam’ alam sekitar, dan pendidikan ‘untuk’ alam sekitar (Tilbury 1995). Pendidikan ‘mengenai’ alam sekitar memfokuskan kepada penyampaian maklumat dan fakta. Pendidikan ‘di dalam’ alam sekitar pula dicirikan oleh penglibatan langsung dalam kerja lapangan atau lawatan, manakala pendidikan ‘untuk’ alam sekitar bermatlamat untuk memelihara atau memperbaiki alam sekitar. Kandungan pendidikan alam sekitar pula mestilah menekankan sifat interdisiplin, iaitu membicarakan hubungkaitan di antara pelbagai disiplin terlibat (Schneider 1997). Integrasi ketiga-tiga pendekatan yang dinyatakan tadi serta juga sifat interdisiplin pendidikan alam sekitar menuntut pengajar dan pelajarnya menguasai dua ciri utama iaitu sikap ingin tahu serta rajin mencari maklumat, dan sikap suka mengambil bahagian.

Merujuk kepada ajaran Islam, sifat ingin tahu serta rajin mencari maklumat ini memanglah amat dititikberatkan. Malahan ayat Quran yang pertama diturunkan juga menyentuh mengenai kepentingan membaca dan nikmat pengetahuan yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada manusia:

Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.


(al Quran, 96: 3-5)

Manusia sebagai makhluk yang dikurniakan kelebihan akal fikiran dituntut untuk memahami alam ini kerana alam ini merupakan ‘ayat’ atau ‘tanda’ kekuasaan Allah s.w.t.

(Dialah Tuhan) Yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hampan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlain-lain keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah s.w.t., bagi orang yang berakal fikiran. Dari bumilah Kami ciptakan kamu, dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi.

(al Quran, 20:53-55)

Ayat di atas juga menjelaskan tentang perhubungan yang rapat di antara manusia dan alam ini dalam hal asal kejadian manusia. Ia menggambarkan



kitaran hidup manusia yang berasal dari tanah dan akhirnya kembali ke tanah jua. Manusia lahir hasil dari cantuman benih yang terbina dari makanan yang kita makan, sama ada tumbuhan atau haiwan. Tumbuhan dan haiwan ini asalnya dan hidupnya di atas tanah. Di sini kita lihat hubungan yang rapat di antara satu unsur dengan satu unsur kehidupan yang lain. Perhubungan rapat dan saling kaitan di antara satu unsur kehidupan dengan yang lain ini merupakan satu konsep penting dalam pendidikan alam sekitar terutama bidang ekologi. Kefahaman mengenai hal ini perlu bagi memastikan kita sebagai manusia sentiasa menjaga keharmonian dan keseimbangan alam semula jadi. Ini penting kerana banyak masalah persekitaran masa kini berlaku akibat gangguan kepada kestabilan sistem alam semulajadi – misalnya masalah tanah runtuh dan banjir kilat seringkali disebabkan oleh limpahan air ke kawasan lain kerana aliran asal air itu terganggu.


Kita beralih kepada ciri kedua yang juga penting dalam merealisasikan literasi alam sekitar – sikap mengambil bahagian atau keterlibatan. Sikap ini patut dibina di peringkat individu dengan menjadikan amalan mesra alam sebagai praktis harian kita. Amalan-amalan harian ini mungkin kelihatan kecil namun cukup penting dalam persoalan kesejahteraan alam sekitar. Banyak sekali permasalahan alam sekitar yang diakibatkan oleh amalan harian yang tidak mesra alam misalnya sikap membazir sebagai pengguna membawa kepada masalah bahan buangan berlebihan dan sikap tidak menjaga kebersihan menyebabkan perebakan penyakit berjangkit.

Di sini kita akan membincangkan dua sikap yang boleh dijadikan amalan dalam soal literasi alam sekitar ini – iaitu sikap tidak membazir atau berjimat cermat, dan sikap menjaga kebersihan. Kedua-dua sikap ini amatlah digalakkan dalam Islam. Sikap membazir jelas sekali tidak disukai Allah s.w.t. :

Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

(al Quran, 17:26-27)

Sikap berjimat dan tidak membazir ini amat baik dipraktikkan dalam kehidupan kita sebagai pengguna atau konsumer. Pengguna yang baik akan tahu membezakan antara barangan keperluan dan kehendak yang terlampau. Jika ini dapat diamalkan dalam kehidupan seharian, maka kita pasti dapat mengelakkan keadaan timbunan sampah sarap atau himpunan ‘gajah putih’ di kediaman sendiri. Secara tidak langsung kita dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah sisa pepejal dengan mengambil alternatif pengurusan sisa pepejal yang terbaik iaitu pengurangan penggunaan sumber.



Sikap kedua yang akan dibincangkan di sini adalah tentang penjagaan kebersihan. Kebersihan sememangnya amat ditekankan dalam ajaran Islam – misalnya kita perlu berwuduk sebelum solat, galakan menggosok gigi, mandi wajib dan mandi sunat, dan sebagainya. Hadis Rasulullah s.a.w. menyentuh mengenai perkara ini. Soal kecantikan yang dinyatakan di dalam hadis ini termasuklah juga aspek kebersihan, kekemasan dan ketersusunan.

Sesungguhnya Allah itu cantik dan sukakan kecantikan.

(Muslim)

Perbincangan di atas hanya mengambil beberapa contoh sahaja dalam menjelaskan mengenai ajaran Islam yang dapat dipraktikkan dalam kita membina literasi alam sekitar. Ringkasnya di sini, banyak sekali yang boleh dilakukan sekiranya kita meluaskan skop kefahaman Islam kepada pelbagai aktiviti dan bidang dan bukan hanya menghadkannya kepada hal-hal keagamaan sahaja.

KESIMPULAN

Tugas pemeliharaan dan pemuliharaan alam merupakan tanggungjawab setiap manusia tanpa mengira batasan agama. Setiap agama dan kepercayaan di dunia pastinya mempunyai panduan tertentu dalam perkara ini. Apa yang penting adalah keupayaan dan usaha penganut setiap agama dalam merealisasikan panduan-panduan ini menjadi amalan kehidupan seharian. Amalan inilah akhirnya yang menentukan sama ada kita telah mencapai tahap literasi alam sekitar yang diharapkan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ribuan penghargaan kepada saudara Nasruddin Yunos kerana membantu di dalam penyediaan makalah ini dari aspek semakan ayat al Quran dan hadis.

RUJUKAN

- Al-Quran Tafsir Ar-Rahman. Malaysia: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Brehm S.S. & Kassin S.M. 1996. *Social Psychology* (3rd. ed.) Boston: Houghton Mifflin Company.
- Cole G.A. 1995. *Organisational Behaviour*. London: DP Publications.

- Fazlun M. Khalid. 1997. *Islam dan Ekologi*. Terj. Baharin Ramly & Aini Ahmad. Pulau Pinang: Sahabat Alam Malaysia (SAM).
- Hicks D. & Holden. 1995. Exploring the Future: A Missing Dimension in Environmental Education. *Environmental Education Research* 1995, 1(2):185-194.
- Hudson S.J. 2001. Challenges for Environmental Education: Issues and Ideas for the 21st Century. *Bioscience* April 2001, 51(4): 283-289.
- Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar, Malaysia. 2002. Polisi Kebangsaan Mengenai Alam Sekitar (National Policy on the Environment).
- Massa. 1 - 7 Februari 2003, p 37. Negara Maju Tetapi Pengurusan Sampah Masih Darjah Satu.
- Mohd. Nasir Hassan. 2002. Solid Waste Management in Malaysia: Can We Charter Future Strategies? Dlm. *Realising Agenda 21 – Proceedings International Conference on Environmental Management: Ten Years After Rio*. Jamaluddin Md. Jahi, Mohd. Jailani Mohd. Nor, Kamaruzzaman Sopian, Ismail Sahid & Abdul Hadi Harman Shah (Pynt.). Bangi: Center for Graduate Studies, UKM.
- Moseley M. 2000. Teaching for Environmental Literacy. *Clearing House Sept/Oct 2000 Vol. 74 Issue 1:23-24*.
- O' Riordan T. 1981. *Environmentalism*. London: Pion Limited.
- Rozita Ibrahim. 2001. Pendidikan Alam Sekitar: Isu dan Cabaran. Dlm. *Environmental Management 2001 – Proceedings National Seminar on Environmental Management: Current Development & Future Planning*. Jamaluddin Md. Jahi & Mohd. Jailani Mohd. Nor (Pynt.). Bangi: Center for Graduate Studies, UKM.
- Schneider S.H. 1997. Defining and Teaching Environmental Literacy. *Tree Vol. 12, No. 11, p.457*. Stanford USA: Elsevier Science Ltd.
- Stern P.C., Dietz P., & Guagnano G.A. The New Ecological Paradigm in Social-Psychological Context. *Environment and Behavior, Vol. 27 No. 6: pp. 723 – 743*. Sage Publications Inc.
- Tilbury D. 1995. Environmental Education for Sustainability: Defining the new focus on Environmental Education in the 1990's. *Environmental Education Research* 1(2): 195-213.
- Trudgill S. 1999. *Barriers to a Better Environment - What Stops Us Solving Environmental Problems*. London: Belhaven Press.
- Wolfe V.L. 2002. Studies of the Content and Process of Environmental Education. ProQuest Digital Dissertations. http://wwwlib.umi.com/dissertations/preview_all. 6.5.2003.